

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.5

KEPENGUNAAN HAIWAN JALLALAH INDUSTRI AKUAKULTUR DI MALAYSIA

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443 bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-119 berkenaan Kepenggunaan Haiwan *Jallalah* Industri Akuakultur di Malaysia berpandangan seperti berikut:

- i. Haiwan *jallalah* bermaksud binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan / atau hidup di persekitaran najis;
- ii. Haiwan yang diternak dan dengan sengaja diberikan makan makanan daripada najis '*aini*' atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis sama ada najis itu dalam kategori najis *mughallazah* atau *mutawassitah* adalah **haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin**;
- iii. **Kaedah kuarantin** haiwan *Jallalah* Akuakultur adalah:
 - a) Haiwan tersebut perlu **diasingkan daripada ruang ternakan asal ke ruang baharu** yang bebas daripada elemen najis;
 - b) Ketika tempoh kuarantin dilakukan, haiwan tersebut **boleh dibiarkan tanpa makan apa-apa makanan, atau diberi makan dengan makanan yang bersih** bebas daripada elemen najis; dan
 - c) Tempoh umum kuarantin adalah **sekurang-kurangnya 3 hari** dan hendaklah dipastikan **hilang bau busuk**. Jika selepas tempoh kuarantin tersebut, masih ada kesan bau busuk najis pada haiwan tersebut, maka **tempoh kuarantin perlu ditambah** sehingga bau busuk itu hilang.

Tarikh : 25 April 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (66)

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti, Negeri Perak